

INGATAN MT UMNO'KEPADA PEGAWAI-PEGAWAI KUMPULAN A

Jawatan parti atau kerajaan

U.M. 15 SEP 1989

KUALA LUMPUR 14 Sept. — Majlis Tertinggi UMNO hari ini meminta para pegawai kerajaan kumpulan A yang memegang jawatan dalam parti supaya membuat pilihan sama ada hendak kekal memegang jawatan parti atau jawatan kerajaan sebagai mematuhi undang - undang negara.

Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata UMNO memang mahu para pegawai berkenaan menyertai parti tetapi mereka terpaksa mematuhi undang - undang negara yang menegah mereka memegang jawatan dalam parti.

Katanya, Majlis Tertinggi membuat ingatan ini untuk mengelakkan kemungkinan pihak - pihak yang tidak berniat baik mengambil tindakan mahkamah yang boleh mengakibatkan mesyuarat perwakilan tidak sah dan perlu diadakan semula.

Beliau memberitahu demikian dalam sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO di ibu pejabat UMNO di sini hari ini.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata peringatan tentang kedudukan pegawai kerajaan kumpulan A tidak boleh pegang jawatan dalam parti ini akan dihantar kepada semua bahagian UMNO di seluruh negara.

"Kita memang inginkan mereka sertai parti kita tetapi undang - undang negara tegah mereka dan Perlembagaan UMNO tidak boleh mengatasi undang - undang negara, maka terpaksa kita patuh kepada undang - undang negara," ujarnya.

Ditanya pula tentang kenyataan ahli Parlimen Kok Lanas, **Datuk Abdullah Ahmad** bahawa pemimpin Semangat 46 Tengku Razaleigh Hamzah dan para penyokongnya telah membayangkan hendak menyertai semula UMNO beliau berkata:

"Kita terbuka, siapa nak masuk boleh, tetapi kalau masuk untuk rosakkan UMNO kita tidak berapa seronok sikit."

Datuk Abdullah berkata dalam satu ceramah di Kolej Angkatan Tentera di sini semalam bahawa Tengku Razaleigh telah melembutkan pendiriannya dan sudah bersedia untuk berunding dengan para pemimpin UMNO.

Menjawab soalan lain, Datuk Sri Dr. Mahathir menolak anggapan bahawa pengirisan bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Musa Hitam sebagai wakil kerajaan ke beberapa buah negara Komanwel dan akan menyertai rombongan Malaysia ke sidang Bangsa-Bangsa Bersatu sebagai satu langkah "pemulihan."

Katanya, beliau sendiri baru dengar tafsiran pemulihan Datuk Musa setelah membaca sebuah majalah mingguan luar negeri baru-baru ini.